

NO. SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN : 10078

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes kematian dalam penjara dari tahun 2015 sehingga 2017 dan punca-punca kematian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara dari tahun 2015 sehingga 10 Julai 2017 menunjukkan seramai 750 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkaitan menerima rawatan lanjut disebabkan masalah penyakit seperti HIV, kanser, asma, tibi serta penyakit berkaitan masalah jantung, darah, paru-paru dan lain-lain.